

14 OCT 1996
Exco-Kelantan
ANGGOTA EXCO BEKAS S46 ENGGAN LETAK JAWATAN

KOTA BAHARU, 14 Okt (Bernama) -- Empat bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 yang menduduki barisan Exco kerajaan negeri Kelantan tetap tegas dengan keputusan mereka untuk terus menyandang jawatan itu sehingga keputusan rasmi daripada pucuk pimpinan Umno diterima.

Bekas Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak, yang kini menganggotai Umno, berkata selagi tiada arahan rasmi parti, beliau bersama-sama dengan tiga lagi anggota Exco lain akan terus mengekalkan jawatan mereka walaupun Pas, yang menerajui kerajaan negeri, mendesak mereka meletak jawatan.

"Setakat ini kita belum menerima apa-apa arahan untuk berbuat demikian (letak jawatan)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian persidangan Dewan Undangan negeri oleh Sultan Kelantan di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Cina hari ini yang memetik Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa sebagai berkata bahawa kesemua keempat-empat anggota Exco itu sepatutnya meletakkan jawatan kerana dari segi prinsip politik mereka sewajarnya berbuat begitu setelah menyertai Umno.

Selain Rozali, yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan, tiga lagi anggota Exco ialah Mohamad Noor Ahmad, Nik Mustapha Nik Loding dan Daud Jaafar.

Pada persidangan belanjawan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan yang bermula hari ini, keempat-empat anggota Exco itu ditempatkan dalam barisan kedudukan kerajaan sebaliknya kedudukan tujuh lagi anggota DUN, yang kini menganggotai Umno, dipindahkan ke barisan pembangkang bersama tujuh orang wakil Barisan Nasional.

Rozali berkata kedudukan mereka itu akan ditentukan melalui rundingan antara bekas Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Sementara itu Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman berkata kenyataan Annuar itu adalah baik dan perlu dipatuhi oleh keempat-empat anggota Exco itu.

Keengganan anggota Exco berkenaan melepaskan jawatan mereka menjejaskan kepentingan dan kestabilan kerajaan negeri, katanya.

Ketua Penerangan Pas Pusat itu juga berkata berikutan pembubaran S46 dan anggota-anggotanya menyertai Umno, kerajaan negeri berharap dapat mengadakan lebih banyak kerjasama dengan kerajaan pusat terutama dari segi ekonomi dan pembangunan.

"Dulu demi persahabatan, kita banyak pelihara perasaan dan maruah S46 kerana mereka yang bersengketa dengan Umno...tetapi kini kita dapat berunding tanpa rasa was-was dan takut," katanya.

Abdul Halim juga berkata dengan perkembangan sekarang, hubungan antara kerajaan negeri dan pusat selepas ini dijangka bertambah baik demi kemajuan rakyat.

Sementara itu Ketua Pembangkang DUN Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (BN-Melor) berkata dengan pertambahan anggota pembangkang pada persidangan kali ini, "suara pembangkang" akan lebih lantang dalam menyuarakan hasrat rakyat.

"InsyaAllah, perkembangan terbaru ini (kemasukan 11 bekas anggota S46 dalam Umno) adalah satu nafas baru kepada barisan pembangkang untuk memastikan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan Kelantan benar-bnar memanfaatkan rakyat keseluruhannya," katanya. -- BERNAMA

ZI NAK